

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful perubatan dan kesihatan anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

1 Apa itu AafiahCare?

AafiahCare adalah produk takaful yang memberikan perlindungan untuk **50** tahun untuk penyakit kritikal tertentu. Ia membayar jumlah yang dilindungi sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan salah satu penyakit kritikal yang dilindungi.

Konsep-konsep Syariah yang diguna pakai

Tabarru', Wakalah, Ju'alah, Mudarabah, dan Hibah adalah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai untuk pelan ini. Sila rujuk sijil untuk maklumat lanjut mengenai konsep-konsep Syariah tersebut.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 232.07 bulanan, anda akan menerima perlindungan/manfaat berikut.	
Perlindungan	RM 500,000.00
1 Manfaat Penyakit Kritikal	Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah pelan ini termasuk: 1) Kanser 2) Strok 3) Sakit jantung Nota: Bayaran manfaat bagi bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes Melitus adalah terhad kepada 15% daripada jumlah yang dilindungi atau maksimum RM30,000.00. Setiap penyakit yang dilindungi Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil untuk butiran lanjut mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.
2 Manfaat Penjagaan Penyakit Kritikal	Tambahan sebanyak 5% daripada jumlah yang dilindungi sijil akan dibayar setiap tahun selama 5 tahun berturut-turut jika didiagnosis dengan penyakit kritikal yang dilindungi (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes Melitus).
3 Manfaat Khairat	1) RM 5,000.00; dan 2) Lebihan Dana Risiko Peserta (DRP) terkumpul, jika ada.. Nota: Manfaat khairat akan dibayar dengan syarat tiada sebarang manfaat penyakit kritikal telah dibayar, kecuali bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes Melitus.

Peringatan: Sila rujuk kepada ilustrasi pemasaran untuk butiran lanjut produk ini. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful perubatan dan kesihatan anda **mengecualikan**:

- a) Keadaan perubatan yang anda alami, atau mempunyai simptom sebelum menyertai pelan tersebut (iaitu Keadaan sedia ada);
- b) Kecederaan diri yang disengajakan ketika siuman;
- c) Penggunaan alkohol, ubat-ubat atau narkotik tanpa preskripsi atau yang menyalahi undang-undang; atau
- d) AIDS, komplikasi berkaitan AIDS, atau jangkitan yang disebabkan oleh HIV kecuali mana-mana yang dilindungi.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:

 Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Online)	 Lawati kami di laman web ini¹	 E-mel kami di info@etiqa.com.my	 Imbas kod QR
---	---	--	---

¹<https://www.etiqa.com.my/hayat-dan-keluarga/aafiahcare-takaful>

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk takaful perubatan dan kesihatan anda, anda mesti membayar sumbangan sebanyak:	
Sumbangan	RM 232.07 bulanan
Tempoh: Sehingga umur 80 tahun	
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00 akan dibayar oleh kami
Jumlah Fi Wakalah	30.67% daripada jumlah sumbangan atau RM 228,648.83
Caj-caj Lain Yang Dikenakan Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST)	RM 18.57 bulanan

4 Syarat Utama Lain

- * Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul bagi membantu kami membuat keputusan yang betul untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma sijil anda. Jika sebaliknya, anda mungkin berisiko membatalkan kontrak anda, tuntutan anda ditolak, atau terma dan syarat sijil diubah.
- * Anda harus berpuas hati bahawa pelan itu memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangan tersebut.
- * Tempoh tangguh – Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar sumbangan yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah sijil ini adalah 31 hari dari tarikh sumbangan yang perlu dibayar.
- * Perlindungan penyakit kritikal anda hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh dikeluarkan, atau tarikh pengembalian semula yang terkini, mana-mana yang lebih kemudian.

* Perlindungan anda untuk penyakit kritikal berikut hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh dikeluarkan, atau tarikh pengembalian semula yang terkini, mana-mana yang lebih kemudian.

- a) Kanser;
- b) Penyakit koronari hati yang memerlukan pembedahan;
- c) Sakit jantung; dan
- d) Penyakit koronari arteri serius yang lain.

* Tempoh kelangsungan hidup penyakit kritikal: 30 hari selepas diagnosis penyakit kritikal.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

? Bolehkan saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami

- **Tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah anda bayar (tolak sebarang fi pemeriksaan perubatan yang ditanggung) akan dikembalikan kepada anda.
- **Selepas tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil kepada kami berserta permohonan serahan secara bertulis. Lebihan DRP terkumpul, jika ada., akan dibayar kepada anda.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Etiqa Family Takaful Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Pendedahan Produk bagi AafiahCare.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk ini bagi AafiahCare.

* Pengakuan pelanggan terhadap Helaian Pendedahan Produk ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.

Nama: _____

Tarikh: _____